kita kawal dengan baik, kawalan² yang
kita buat tidak bagitu ketat.

Saya menhadangkan, saya menyata-
kan kepada Tuan Yang di-Pertua,
dalam Ranchangan² F.L.D.A. sekarang
sa-patut-nya tidak di-benarkan sa-
barang parti politik, hatta Perikatan
sa-kali pun, hatta UMNO ini sa-kali
pun, jangan di-benar melahirkan cha-
wangan²-nya di-dalam Ranchangan
F.L.D.A., apa-tah lagi Parti² Pembang-
kang. Kalau mereka hendak menjadi
ahli parti politik, mereka ka-luar dari-
pada ranchangan itu dan masuk ka-
dalam parti politik di-luar ranchangan,
bukan di-dalam ranchangan itu. Apa
yang saya ketahui, Tuan Yang di-
Pertua, parti² politik ini masuk dalam
ranchangan itu, parti² politik Pembang-
kang terutama-nya masuk dalam ran-
changan itu, parti daripada Gerakan
dengan professor-nya, dengan segala
ijazah-nya ia masuk dalam ranchangan

itu. Condemn-kan kerja F.L.D.A. ini. Bangunkan semangat² pekerja: "Ini tuan² tidak akan dapat untong daripada kerja ini. Tuan² jadi kuli sahaja di-dalam F.L.D.A. ini". Jadi, orang yang pergi menyertai F.L.D.A. ini ia-lah orang² kampung, orang² yang mengharapkan, menggantungkan masa hadapan-nya dengan ranchangan. Datang professor² dan pensharah² universiti sabagai sa-orang anggota parti politik, kemudian di-hasut-nya ra'ayat, di-hasut-nya para peserta itu dalam ranchangan ini dengan mengatakan ranchangan ini tidak berfaedah kapada mereka. Akhirnya masa mereka itu habis, ranchangan itu akan tergendala dan yang akan paling susah sa-kali ia-lah para peserta ranchangan itu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja Parti Gerakan masuk, Parti Ra'ayat pun masuk juga, PAS juga masuk—kalau PAS masuk ia bawa chara ugama—ia pergi masuk kapada peserta ranchangan, daripada tanah ranchangan itu ia kemukakan beberapa masalah: Ia kata, "Kalau awak duduk di-sini kalau mati, maka harta ini ta' akan dapat kapada anak². Apa guna-nya awak bekerja di-dalam ranchangan ini? Apa faedah-nya awak bekerja dalam ranchangan ini? Awak menanggung hutang sekian² ribu. Awak menanggung hutang sekian² ratus. Jikalau awak mati, harta ini ta' akan dapat di-pusakai oleh anak². Ta' usahlah buat awak jadi kuli sahaja". Ini Tohmah.

Ini dia, perasaan atau fahaman sabversif yang masuk dalam ranchangan ini dari sudut melemahkan semangat orang² kita orang² yang menyertai ranchangan. Pada hal kita sendiri daripada Parti Kerajaan, kita boleh memaksa orang ini, kita boleh mengatakan, "Awak masuk Parti Perikatan, awak mesti masuk UMNO"; "awak boleh masuk M.I.C." mithal-nya, kalau dia orang India; "Engkau masuk M.C.A.", kalau sa-kira-nya dia orang China. Kita boleh buat paksaan saperti itu. Tetapi, setakat ini kita tidak berbuat demikian. Kita memberikan kebebasan berfikir kapada orang² ini tetapi membenarkan parti² politik masuk dalam ranchangan ini suatu hal yang sangat keterlaluan dengan dasar F.L.D.A. yang ada sekarang ini. Oleh

sebab kita akan membuka tanah yang paling banyak lagi pada masa yang akan datang, kita akan membuka tanah 2.2 juta ekar pada masa yang akan datang, 8,000 orang akan mendapat habuan daripada-nya. 8,000 orang ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan orang UMNO sahaja, bukan orang yang menyokong Perikatan sahaja tetapi juga orang² yang menyokong PAS, yang menyokong Parti Gerakan, yang menyokong Parti Ra'ayat. Dasar kita, siapa yang susah, siapa yang sa-benar²-nya memerlukan bantuan dari Kerajaan dengan mendapat tanah dalam F.L.D.A., kita beri. Berapa banyak orang² UMNO, orang² Perikatan sendiri tidak dapat masuk ranchangan ini, berapa banyak daripada pemimpin² dan MP² serta Wakil² Ra'ayat yang kena maki kerana ini, yang kena maki kerana dia tidak dapat masuk dalam ranchangan tetapi kita berikan kapada orang yang menentang kita dalam pilihan raya. Kita katakan dasar kita bukan memilih parti, dasar kita memilih orang yang sa-benar²-nya berkehendakkan bantuan daripada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu chontoh yang saya nampak baharu² ini, ada suatu tempat dalam negeri Kedah dalam kawasan Ahli Yang Berhormat Kota Star Selatan, ada suatu ranchangan tanah di-sana, nama-nya Kampong Sungai Durian. Ranchangan ini tidak ada berdasarkan di-atas dasar parti. Orang yang susah kita hantarkan ka-sana, orang yang betul² berhajatkan kapada tanah kita hantarkan. Apa yang berlaku, Tuan Yang di-Pertua, sekarang getah sudah boleh di-toreh mereka telah hidup agak lumayan, PAS datang tumpang tu! Dia buat satu chawangan dan rumah-nya di-dalam ranchangan itu, dia tulis besar² signboard. Kita tidak suroh buat tetapi kalau sekadar dia letakkan signboard, buat chawangan di-dalam ranchangan itu—itu tidak mengapa, dia pergi hasut orang² yang ada di-tempat kawasan itu. Jangan perchayakan kapada dasar Kerajaan, jangan perchaya kapada dasar F.L.D.A. Chuba-lah orang² PAS gunakan kepala otak-nya sendiri dalam perkara ini. Chuba gunakan sedikit kesedaran bahawa mereka yang pergi ka-tempat ini bukan kerana parti,

kerana masa hidup-nya dan masa depan. Apa-lah dosa-nya bagi mereka² ini kita pergi hasut orang yang samacham ini, kita pergi lemahkan perasaan-nya, lemahkan semangat-nya, lemahkan activity-nya untuk masa depan? Tidak chukup, Tuan Yang di-Pertua, dengan chara demikian banyak lagi perkara² yang di-timbulkan, yang di-buat oleh Parit² Pembangkang macham di-Lembah Bilut mithalan-nya. Lembah Bilut kita tahu Parti² Pembangkang masok ka-Lembah Bilut. Lama juga kita tahu mereka hendak masok ka-sana menghasut, bukan sahaja menghasut tetapi membuat kachau di-dalam kawasan F.L.D.A. Rancangan siapa-kah ini? Ini rancangan Kerajaan tetapi boleh jadi oleh kerana kita berikan kepada badan F.L.D.A. ini, engkau jalankan-lah dengan kita tidak mengekori dari belakang, dengan kita tidak menengok-nya dari belakang, menyemak-nya baik², maka mungkin agak-nya mereka² yang bertanggung-jawab dalam F.L.D.A. ini sudah hilang atau pun sudah terlepas daripada tanggung-jawab-nya terhadap Kerajaan yang ada sekarang ini dan dia berjalan dengan sendiri.

Oleh kerana itu saya menchadangkan, saya mengshorkan dan saya menggesa Timbalan Perdana Menteri supaya mengkaji sa-mula dasar F.L.D.A. ini, mengkaji dasar F.L.D.A. ini, sebarang parti politik jangan di-benarkan masok dalam rancangan ini hatta parti politik Kerajaan sa-kali pun jangan di-benarkan masok, di-haramkan sama sa-kali. Kalau mereka sanggup menerima saperti ini maka boleh-lah mereka itu di-ambil menjadi peserta² di-dalam rancangan itu dan kalau sa-kira-nya mereka tidak sanggup berbuat demikian lebeh baik kita buat dasar yang lain. Dasar yang lain yang saya chadangkan ini, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu kita patut jangan lagi mengutamakan orang² yang sudah ada anak banyak². Orang yang ada anak sampai 6-7 itu memang sudah ada kebun dan ada tempat dia. Kita buat rancangan baharu, pemuda² kita di-samping rancangan² belia yang di-buat oleh Kerajaan sekarang ini kita sediakan sekian² ribu ekar atau sekian² juta

ekar untuk rancangan belia² kita yang baharu keluar daripada sekolah², yang baharu keluar daripada mendapat sijil² persekolahan yang mereka itu ada pengetahuan, ada pelajaran, boleh di-berikan pengetahuan boleh di-berikan pelajaran dalam soal pertanian, dalam soal menjayakan diri sendiri dan kemudian kita letakkan disiplin di-dalam rancangan itu saperti yang di-lakukan di-dalam rancangan belia dalam negeri Pahang, dalam negeri Perak dan beberapa buah negeri yang telah membuat-nya, kita adakan disiplin di-situ, kita adakan dia punya chara² yang mesti di-ikuti dan mereka telah berjaya dalam usaha²-nya. Sebab itu F.L.D.A. ini saya menggesa supaya mengkaji sa-mula, supaya bukan sahaja kita berikan kepada orang² yang sudah lepas daripada askar atau daripada Polis itu atau sa-siapa yang tidak bekerja yang hendak masok F.L.D.A. ini tetapi juga masalah-nya memberikan kepada pemuda² kita, belia² kita yang akan hidup beberapa tahun yang akan datang dengan mempunyai keluarga supaya mereka pun mendapat peruntokan² yang istimewa daripada rancangan F.L.D.A. ini.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada yang saya katakan tadi ia-itu rancangan dan dasar daripada F.L.D.A. yang saya katakan tadi, semua rancangan² yang di-buat oleh Kerajaan ini mesti kita katakan bahawa rancangan ini untuk kepentingan ra'ayat. Dalam negara kita yang terlalu demokrasi ini—negara kita ini terlalu demokrasi—Parti Pembangkang berkata apa yang dia hendak kata. Mereka tidak akan dapat berkata, mereka tidak akan dapat berchakap kalau mereka berada di-sabuah negeri—Singapura mithal-nya.

Baharu² ini kita telah menengok, mendengar, membacha di-dalam surat khabar, bahawa orang² yang chuba mengganggu ketenteraman dan mero-sakkan perekonomian negeri Singapura itu akan di-berhentikan daripada pekerjaan-nya. Ini ketegasan yang ada di-Singapura. Kalau mereka ini ada di-Singapura, biji mata-nya tidak akan dapat membuka di-Singapura, tidak akan dapat membuka biji mata di-Singapura. Tetapi negara kita ini

negara demokrasi yang terlalu demokrasi, kita berikan mereka itu kesempatan untuk berkata apa sahaja, kita berikan kepada mereka itu berhak apa sahaja, kita berikan kepada mereka itu kesempatan untuk masuk dalam ranchangan kita, apa sahaja dengan tidak ada sedikit pun kita chuba mengganggu mereka itu kechuali kalau mereka telah bersedia menjadi anasir² yang merosakkan negara kita ini baharu-lah kita bertindak, tetapi tindakan kita itu bukan kepada parti itu, kita hanya bertindak kepada orang²-nya yang terlibat, orang²-nya yang berkait dengan gerakan² sabversif seperti itu baharu-lah kita bertindak dan manakala kita bertindak maka timbul-lah, terdengar-lah suara² yang menyatakan Parti Perikatan, Kerajaan Perikatan bukan kerajaan yang demokratik. Kalau kita tidak menjalankan demokrasi di dalam negara kita ini, Tuan Yang di-Pertua, saya yakin kita tidak akan nampak satu orang Parti Pembangkang pun di dalam Dewan ini (*Tepok*).

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan kalau boleh-lah; kalau tidak boleh, saya hendak dudok. Ada-kah arti terlalu demokrasi-nya atau terlalu demokratik-nya negara kita ini maka banyak MP² di-beri hak melompat daripada satu parti ka-satu parti?

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Itu demokratik-lah seperti juga berhenti-nya Wan Mustapha daripada PAS—itu demokratik; seperti keluar-nya saya daripada dahulu tahun 1962—itu demokratik (*Ketawa*); seperti Yang Berhormat dari Bachok yang lari dari UMNO masuk dalam PAS—itu pun demokrasi; yang pernah menjadi ketua UMNO di-Perlis tetapi tidak dapat jadi chalun dia lari dalam PAS (*Ketawa*), itu demokratik. Ahli Yang Berhormat dari Bachok ini asal-nya orang Perlis, Tuan Yang di-Pertua, tetapi orang Perlis tidak mahu menerima-nya sa-bagai chalun dalam Perikatan, dia melompat ka-Bachok, orang Bachok terima—ini demokrasi.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Saya masuk PAS Ahli Yang Berhormat itu pergi ajak malam² (*Ketawa*).

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Itu demokrasi. Kalau-lah saya boleh mengajak dia masuk PAS alang-kah tolol-nya Ahli Yang Berhormat dari Bachok—arti-nya orang ini boleh di-bawa sana, di-bawa ka-mari. Saya tidak fikir Ahli Yang Berhormat dari Bachok demikian bodoh-nya dalam memikirkan soal ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya bersumpah pun berani dia yang mengajak pergi masuk PAS, dia kata UMNO ini tidak baik dia campaign tiga hari; saya masuk hari ini dia lari pula (*Ketawa*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya fikir sudah-lah dalam perkara itu.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana negara kita ini terlalu berdemokrasi, seperti saya katakan tadi, sa-hingga apa juga ranchangan² Kerajaan telah di-sabotagekan oleh Parti² Pembangkang, kalau sa-kira-nya negara kita ini atau dasar negara kita ini yang dikatakan oleh Ahli daripada Pembangkang tidak demokratik sebab menangkap beberapa pemimpin² yang terlibat, kalau benar²-lah Kerajaan Perikatan ini tidak demokratik, saya rasa tidak akan ada sa-orang pun ahli Parti Pembangkang pun akan dudok di dalam Dewan ini, dan kalau dia hendak chuba, kita boleh chuba.

Tuan Yang di-Pertua, memikirkan soal² yang telah di-bentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di dalam keterangan-nya yang panjang pada pagi ini, tentang pembangunan² ekonomi negara, tentang pembangunan ra'ayat di-luar bandar, pembangunan ra'ayat di-luar bandar ada-lah pembangunan yang merupakan masalah-nya, merupakan masalah nasional, masalah-nya merupakan masalah kebangsaan yang akan menentukan chorak-nya negara ini pada masa yang akan datang yang akan menentukan nasib-nya negara ini pada masa akan datang, terletak kepada kejayaan ranchangan² yang kita buat daripada lima tahun demi lima tahun, tetapi Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama Malaya dahulu dan Lima Tahun Yang Kedua Malaya dahulu,

telah melahirkan bentok dan keadaan yang sangat memuaskan dan kemudian Rancangan Lima Tahun Yang Pertama bagi Malaysia ini yang berbentuk lebih luas lagi pada masa yang telah sudah dan rancangan² ini merupakan rancangan² Pembangunan Negara dan Luar Bandar—maka rancangan ini juga akan dapat di-perhatikan oleh rakyat dan kita mengharap Parti² Pembangkang mesti-lah melakukan kejujuran di-dalam soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sa-kali pun kita akan membelanjakan wang sekian banyak, beratus² juta ringgit, kita akan membangun dalam bandar, kita akan membangun di-luar bandar, hutan² akan kita tebas, akan kita tanam dengan pokok² getah yang baharu, akan kita tanam dengan pokok² kelapa sawit, akan kita tanam dengan kopi, teh, sayur²an dan segala²-nya, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, seluroh kema'amoran yang kita buat, seluroh pembangunan yang kita buat, baik di-dalam mahu pun di-luar bandar, ada-lah terletak atas kekukohan, keamanan dan pertahanan negara kita. Pertahanan negara kita ini penting seperti yang di-katakan oleh Timbalan Perdana Menteri sebentar tadi bahawa sudah menjadi beberapa masaalah sa-buah negara yang merdeka, dia harus menghadapi masaalah satu, kemudian satu lagi, mengatasi satu masaalah, dia akan menghadapi satu masaalah yang lain maka kita sedang menghadapi satu masaalah yang baharu di-dalam tahun 1969 ini.

Lima tahun yang akan datang kita akan menghadapi satu masaalah yang baharu, ia-itu pengundoran tentera British dari negara kita ini. Pengundoran tentera British dari negara kita, ini sa-patut-nya akan di-sokong oleh bekas Ahli Parti Buroh dari Batu, akan memberikan sokongan bahawa ini-lah dasar dia—kita tidak mahu negara kita ini, kata dia dahulu, ada tempat² di-mana tentera² asing meletakkan kekuatan-nya di-sini, kita akan teraniaya kalau perang dunia berlaku, begitu dan bagini; dia menentang. Sa-patut-nya Ahli Yang Berhormat dari Batu akan memberi sokongan kepada dasar ini, ia-itu British akan meninggalkan negara kita dan akan mengundorkan tenteranya dari negeri ini dan pulang ka-negeri

mereka masing²; masaalah ini timbul sa-mula dalam Dewan ini ia-itu apakah yang akan berlaku sa-telah Kerajaan British mengundorkan tentera-nya dari negara kita. Masaalah-nya kita tidak boleh mengurangkan pertahanan negara kita, kita tidak dapat melonggarkan pertahanan kita, kita tidak akan dapat meletakkan keperchayaan kita kepada negara² jiran sa-mata², kita tidak dapat meletakkan harapan keamanan negara hanya bergantung kepada kekuatan tentera orang lain, kepada tentera New Zealand, kepada tentera Australia, apa lagi tentera British yang memang hendak chabut dari negara kita. Kita tidak dapat lagi hendak meletakkan harapan kepada mereka itu, sebab itu timbul beberapa perkara di-dalam masaalah pertahanan kita ini, ia-itu Kerajaan² New Zealand dan Australia sendiri nampak²-nya akan tidak sudi duduk lagi sama² di-dalam negara kita, mereka akan mencari tempat lain, tetapi kami tahu, kita pun tahu bahawa persetujuan New Zealand, persetujuan Australia meletakkan tentera²-nya di-seberang laut, di-Singapura mithal-nya, mereka hanya hendak membuat medan perang di-luar negeri-nya sendiri dan kalau pun akan berlaku perang dunia, maka Singapura ini akan menjadi padang jarak, padang tekukor.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini kalau New Zealand dan Australia hendak memilih tempat lain terserahlah kepada pendapat² dan chara² mereka itu meletakkan *strategic politic* dan perjuangan pertahanan-nya, tetapi bagi kita sudah jelas kita tidak akan dapat berdiri dengan harapan orang lain, kita mesti berdiri di-atas kaki kita sendiri dan kita mesti berdiri di-atas kesanggupan yang ada kepada kita, kita terpaksa menyediakan pertahanan kita yang lebih kuat sebab itu agak-nya Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri terpaksa pergi ka-Paris membeli kapalterbang² buatan Peranchis, Mirage, yang saya rasa lebih baik quality-nya daripada kapalterbang British yang sudah menjadi *world surplus*.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu dalam mempertahankan negara

kita ini, membeli kapalterbang² dan alat² yang tidak boleh di-pakai untuk mempertahankan negara kita. Dalam mempertahankan negara kita ini kita tidak boleh menggunakan, membeli barang² yang telah lapok yang di-punyai oleh British dan tidak ada market-nya di-dunia ini, hanya pada kita. Dia tidak boleh menekankan kita mesti membeli alat² perang daripada dia. Sebab itu saya memberikan ucapan tahniah yang sa-tinggi-nya kepada Perdana Menteri yang telah mengadakan rundingan untuk membeli kapalterbang Mirage dari Perancis, sa-kali pun British sudah membuat ugutan bahawa mereka menyuruh kita membeli kapalterbang-nya, sa-kali pun British bermain kayu tiga dengan Amerika yang membuat suatu tindakan balas mengancam kita, "Hai Malaysia! Engkau jangan beli kapalterbang daripada Perancis". Kita katakan kepada mereka, "Engkau berfikir dua kali". Orang² Amerika dan Kerajaan Amerika daripada Kerajaan Johnson dan sampai kepada Kerajaan Nixon akan menghadapi kehancoran di-dalam negeri-nya sendiri kalau mereka chuba memasoki, menchampioni hal ehwal orang lain lebeh banyak daripada dalam negeri-nya sendiri. Orang² Amerika telah mati dengan tidak fasal² di-Vietnam, bukan sadikit, tetapi sudah berpuluh² ribu, lebeh banyak tentera-nya yang mati di-Vietnam daripada tentera kita yang ada sekarang ini, sa-tiap hari tidak kurang daripada beratus² orang Amerika telah mati di-Vietnam. Ini patut menjadi perhatian kepada mereka itu bahawa kita mempertahankan negara kita fasal demokrasi, kita mempertahankan negara kita fasal kita yakin kepada demokrasi, bukan kita yakin kepada Amerika, kita mempunyai fikiran kita sendiri, kita mempunyai pentadbiran kita sendiri, kita mempunyai chara berfikir kita sendiri, kita yakin bahawa kita, kalau tidak berdiri, kalau kita tidak mempunyai kekuatan pertahanan sa-waktu² negara kita akan dapat di-telan oleh kuasa² besar. Oleh kerana itu champor tangan Amerika untuk mengugot kita jangan membeli kapalterbang Mirage ada-lah suatu hal yang pada saya sangat keterlaluan dan bagi kita mengharap supaya kuasa²

besar seperti Amerika akan menimbang-kan masaaalah² ini dengan lebeh mendalam lagi supaya mereka tidak akan mengorbankan orang²-nya dengan sia² bagi mempertahankan negara-nya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ada-nya pertahanan yang saya katakan tadi, dengan ada-nya kita tunjukkan kekuatan kita di-laut, kekuatan kita di-udara, kekuatan kita di-darat, akan dapat memberi keyakinan kepada ranchangan² orang² kita yang sedang bekerja keras bagi masa depan mereka itu, memberikan keyakinan kepada ra'ayat kita, "Engkau bekerja-lah dengan sungguh, tentang keamanan dan keselamatan negara akan tetap di-pikul oleh Kerajaan dan Kerajaan akan mempertahankan sa-tiap nyawa daripada ra'ayat negara ini yang di-ancam oleh mana² negara sa-kali pun." Kepada British kita ucapkan, "Selamat jalan-lah engkau". Kepada New Zealand, "Engkau berfikir-lah dua kali". Tetapi kepada ra'ayat Malaysia kita mengharap bahawa keselamatan kita tidak bergantung kepada kekuatan orang lain, tetapi keselamatan kita bergantung di-atas keyakinan kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kekuatan ini bukan hanya ada pada peluru yang berpandu, kekuatan ini bukan hanya ada kepada kapalterbang yang besar, tetapi kekuatan ini ada pada jiwa dan perasaan ra'ayat Malaysia yang sanggup mati dan hidup di-tanah ayer-nya sendiri. Kesanggupan ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, yang mesti kita masukkan ka-dalam jiwa raga ra'ayat kita, bahawa kekuatan tentera sudah tidak cukup, kekuatan askar sahaja tidak cukup, tetapi yang menchukupi sa-lain daripada kekuatan tentera dan alat perkakas ia-lah keyakinan dan keperchayaan kita kepada negara kita, keperchayaan kepada kesungguhan Kerajaan kita hendak meninggikan keadaan kita, mempertahankan jiwa raga kita dan kalau keperchayaan ini wujud di-dalam masharakat bangsa kita, masharakat ra'ayat kita, kita perchaya dengan keadaan yang ada sekarang, kita akan bangun dan kita akan jatoh, kita akan hidup dan kita akan mati bersama² negara yang kita chintai ini. Terima kaseh.

Dr Mahathir bin Mohamad (Kota Star Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong peruntukan yang di-buat oleh Timbalan Perdana Menteri untuk Pembangunan Negara kita di-dalam tahun 1969 ini. Di-dalam anggaran yang sa-banyak \$889 juta di-dapati bahawa satu per lapan daripada anggaran ini di-peruntukkan untuk pertahanan negara kita, dan soal ini telah menjadi satu perkara yang besar oleh kerana kita sekarang ini terpaksa mengalah perhatian kita daripada pembangunan di-dalam negara kepada soal² yang bersangkutan dengan pertahanan kalau kita ingin pembangunan yang kita telah lancharkan selama Kerajaan Perikatan kita telah berkuasa ini dapat di-teruskan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Tuan Yang di-Pertua saya ingin berchakap di-dalam bahasa Inggeris.

Mr Speaker, Sir, it is sad to contemplate that during a debate on Development, we have to consider spending money on weapons of destruction. Yet there is no choice for us. The old cliché now takes on a new meaning, for it is clear that, if we want peace, we have to prepare for war. And this nation, Sir, wants peace badly so as to develop and, therefore, we must consider providing ourselves with the means for making war.

By no stretch of the imagination could any one think of this nation and this Government as an aggressive acquisitive nation. Indeed, Malaysia is one of the few post-war independent nations that actually welcome the stationing of foreign troops for defence in order to concentrate on development. We believe in a policy of non-interference in the affairs of our neighbours, in regional co-operation and in peaceful negotiation for the settlement of differences between nations, but events and the policies of others obstruct our desire for peaceful co-existence.

Mr Speaker, Sir, for the past several years, this region of Asia has witnessed the destruction of ideas and values that were once considered established and permanent. In Vietnam a war, such as the world has never known before,

has raged for years and emerging from this tragedy is a new appreciation of the role of men and nations, of race and of colour, of ideologies and of power. The efficacy of gun-boat diplomacy, the show of strength, the flexing of military muscles, have all been disproved. Mr Speaker, Sir, we cannot remain aloof to these changes. The world, as everyone knows, has shrunkened. No important event in one part of the world can be without repercussions in other parts, and most assuredly the fate of a nation must influence the course of events amongst its neighbours.

We, in this country, are given to admiring the so-called modern nations of the West. For a century or more, the West has set the pace in new thinking and new advances. Western nations have implemented fairly successfully the system of Government that is now copied by us—the system that we call “democracy”. But, Mr Speaker, Sir, the rot has begun to set in in the West. The signs are up. The pendulum has swung well past the centre, and the excesses that the democratic system was meant to correct have now given way to new excesses from misguided concepts of democracy. Thus at his inauguration, the new President of the United States had stones thrown at him while misguided youths chanted incoherent protests. In jolly old Britain, the workers, for whom democracy has brought justice and prosperity, down tools and bring misery to others. They do this thinking that they were exercising their democratic rights, but that the exercise of their so-called rights deprives others of these same rights, matters little to them. All over the world, students go on the rampage proudly declaring their intention to do away with the faults of the establishment but ending up only by destroying all and creating even greater chaos—all, Sir, in the name of democracy.

Mr Speaker, Sir, the time has come for us to re-examine our ideas regarding what and whom and how far certain concepts and practices are good for us. In our ardent desire to emulate the undoubted material successes of the

West, we have maintained close relations with them. We have closed our minds and our hearts to others. We are now slowly changing, but how far are we prepared to change?

The United States, the so-called most powerful nation on earth, has been resoundingly thrashed in Vietnam by uncouth peasants in black pyjamas. The British are now on the verge of complete physical and moral collapse. The Australians talk vaguely about retreating to fortress Australia, whatever that might mean. On the other hand, the Russian fleet has moved into the Mediterranean and even appeared in the Indian Ocean. Russian merchant ships crowd the ports of Eastern countries. Russian equipment and Russian goods have contributed to the development of more and more nations. Yet, another development in the fast changing world is the rapid emergence of China as a military and industrial power. Aggressive and crude, China casts a dark and menacing shadow over all of South East Asia. Successful in Vietnam, her appetite whetted, China now turns a balefully avaricious look at us.

Mr Speaker, Sir, what do all these hold for us? We, Sir, believe in democracy. We are non-communists. We are peace-loving. This is our way of life, and we wish to continue to keep this way of life. The question is, how do we maintain our way of life in the face of a changing world. Of immediate importance to us is the turn of events in Vietnam. With the military defeat of the United States of America, we are now faced with several distinct possibilities. Firstly, it is possible but highly improbable that victory in Vietnam will satisfy the ambitions of Communist China. Secondly, the Domino Theory wherein the nations of South East Asia will fall one by one in the face of the Chinese onslaught will cease to be purely academic and go on to becoming a painful reality; and, thirdly, Sir, the heady wine of victory might sufficiently tip the balance between sanity and madness among China's leaders, and we will become the early victims of a total war to complete China's imperial ambitions.

Mr Speaker, Sir, let us hope that sanity prevails and a period of peace ensues following the Vietnamese victory. If this happens, then we should seek out the new rulers in Saigon and Hanoi and co-operate with them. We should even try to help them in whatever small way we can. With the other countries of South East Asia, we should co-operate in the cultural and economic fields. We should eschew military pacts in order that we will not unnecessarily antagonise China. With our so-called friends, we should make it clear that the less they intrude into this region, the better for them and for us.

Mr Speaker, Sir, the possibility of an extended peace following the settlement of the War in Vietnam is very remote indeed. The most likely thing to happen is that the Domino Theory will be translated into a painful fact. Here, Sir, is when we need the greatest ingenuity in order to survive. Fortunately, for us, either countries closer to Vietnam will go first, or the magnitude of the operation, if it is to be launched simultaneously, will require such massive preparations as to become evident long before the actual onslaught. In any case, we will have sufficient warning and we will be able to prepare ourselves.

There is no doubt, Sir, that with the vast majority of the people loyal to the country any guerilla uprising can be contained by us. But, to do this, to sustain a prolonged anti-guerilla war, we will need help and herein lies the crux of the matter. From whom do we get help? Britain used to be our best bet, but good old Harold thinks it is old fashioned to help friends. Next, we have Australia and New Zealand. Australia appears more alarmed at Britain's withdrawal than we are. There is a lot of talk of fortress Australia. It reminds me of the naive believe in Singapore as a fortress impregnable. Ten million people living in a country large enough and rich enough to accommodate several hundred millions, Australia is as anachronistic as Wilson thinks the Tunku's ideas are outmoded. Any power controlling South East Asia must eventually threaten Australia,

but Australians think they should put as great a distance as possible between themselves and the collapsing dominoes. Australia wants to station her troops in Singapore and vaguely threatens to leave us if we do not co-operate with Singapore. This attitude does not seem promising, and we might as well dismiss Australia as a likely friend in times of need.

Next, of course, is the mightiest nation on earth, the United States of America. Mr Speaker, Sir, once there was a United States which believed in rights and wrongs. Once the United States would rush to the rescue of the weak and the downtrodden, but now a new United States has emerged. Mr Speaker, Sir, the humiliating defeat of the United States in Vietnam has left the Americans demoralised and confused, but it has not taught the Americans anything: hence the same old interfering policies which lately manifest themselves in their attempt to prevent us from acquiring war planes for our defence. Mr Speaker, Sir, we are told that in Bolivia, the United States succeeded in preventing the sale of British Canberra jets, because the United States decided that Bolivia needed no war planes. The result was that Bolivia bought the more powerful and more costly Mirage. Britain lost a lot of money which Britain can ill afford. Bolivia was outraged. The United States gained nothing except the ardent dislike of the Bolivians. Surely, the United States should emerge from this diplomatic debacle wiser. That she is not wiser can be seen from the interference in a similar deal in which we ourselves are involved. Is the United States so naive that she does not know that, if we cannot get war planes from the Western countries, we will get them from the East? If anything is calculated to push us into the arms of the Russians, this stupid interference over the purchase of military equipment certainly is. As usual, the United States adopts the attitude that the whole world is subsidised by them. All they have to do to bring nations to heel is to threaten to withdraw aid. True, we have borrowed money from the United States, as we have from other countries, on

like terms, but in terms of actual aid, we can say that Malaysia receives negative aid from the United States. The State Department, of course, being so vast cannot be expected to know this. Perhaps, the United States is thinking of the Peace Corps, "food for peace", and her advisers.

Mr Speaker, Sir, I would like to say this about the Peace Corps. We did not request, as far as I can remember, for the Peace Corps to come here. I remember Mr Sargent Shriver coming here asking us whether we would like to have some Peace Corps, and we in our polite way said, "Yes". Now, we have a whole army of them spread all over the country. I do not think this country will collapse just because we do not have the Peace Corps. For me, there is something about the Peace Corps, which I do not like, because they cause a certain amount of psychological trauma on the poor rural folks, who have gone back to thinking as people used to think in the days when we were ruled by white-skinned Englishmen.

Next there is this food for peace. I do not know whether it is peace that the United States wants, but it is more likely that the food for peace is just one means of the United States of getting rid of the surplus food which their farmers produce. We know how much the Government of the United States has to subsidise their farmers, and how they over-produce the food. So, it pays them to get rid of this food. And if, of course, they can use this to blackmail others then I have no doubt they will not hesitate to do so. I am sure that the people of this country are not going to starve to death merely because the food for peace is denied to them. This is a land of plentiful food. Nobody has ever starved to death. We may be under-nourished, but we certainly are not starved.

Then there are these advisers. We have in many Departments American Advisers. I am reminded, Sir, of the military advisers in Vietnam. They came to advise Vietnam on how to conduct the war, but they ended up with telling the Vietnamese Government

where to sit and whether to go or not to go to Paris. So, these people have a knack of taking over the Government they are supposed to advise. We have had advisers before in this country. We have had British Advisers. They were supposed to advise, but we know how it all ended up—we became a colony instead. So, if the U.S. would like to threaten to remove these Advisers, for my part, I would say, "you are welcome to it, please go. We have no regrets".

Mr Speaker, Sir, this incident over the purchase of war planes should convince us that there is no hope of U.S. help in the event of a Chinese bid to subjugate one by one the nations of South East Asia. In the event of the Domino Theory becoming translated into a reality, our best hope lies in enlisting Russian help. Russia has shown in the Middle East that it will not assist aggression—if that is our intention. This the Arabs have learned. But Russia is less likely to let nations suffer military conquest. Russia's feelings towards China is well known, and it must be in Russia's interests to see to it that South East Asia does not solidify into a Chinese dominated region threatening her rear and flank.

The third possibility, that of total war, Mr Speaker, Sir, needs no discussion. The initiative will not lie with us and the outcome can very well be the end of the human race. Whatever the turn of events in the near future, our best bet is, I think, to maintain good relations with every one. This we are slowly doing. We are less Western-orientated than we used to be, but we need to do more; we need, in fact, to study not only the attitudes of other nations towards us but their attitudes towards each other. We need to think of how we can fit into the pattern of the opposing forces of the world without changing ourselves too much. We need also to think of how best we can co-operate or confederate with neighbours, who are in the same predicament as ourselves and who are as like ourselves as possible. How we evaluate the changing situation and how we conduct ourselves in the immediate

future will determine the future course of this country.

I know the Government is well aware of what is happening. My object in highlighting the changing patterns of power around us is not so much to urge the Government to change the attitudes. This, as I have said, we are already doing. My object is to underline the need for the whole nation to re-orientate to this pattern and keep this background in mind when thinking of the nation's development. The soft cushy life that has characterised this nation in the halcyon days following independence and the defeat of the communist insurgents are over. The changes that are taking place demand a much great sacrifice on the part of everybody. Money must be found to finance a whole new set of responsibilities. A much greater effort is required to make this nation more completely independent of financial help from abroad. Individual selfishness and the selfishness of groups of people must be relegated to the background. Feather bedding that characterises certain sections of the workers and the constant griping of the well-to-do commercial people must not be tolerated. The need, Sir, is for a more resilient society able to adapt to changing situations. We, from the Government backbench, and I think other Members here will agree with me, will identify ourselves completely with the Government and the national effort. We hope that the people too will do the same and will give their continued support to the Government.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panjang lagi?

Dr Mahathir bin Mohamad: Satu paragraph lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Satu paragraph lagi, boleh!

Dr Mahathir bin Mohamad: Only a complete understanding of the circumstances that make the change in emphasis over Development Programme necessary can save us. I am sure, Sir, with the leadership we have, we will come through these trying times with flying colours.

Mr Speaker, Sir, in conclusion I would like to add my support to the appropriations as outlined in the speech of the Honourable the Minister for National and Rural Development.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Meshuarat ini di-tangguhkan hingga pukul 4 petang ini.

Meshuarat di-tangguhkan pada pukul 1.05 petang.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 4.00 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1969

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Tuan Ramli bin Omar (Krian Darat): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menguchapkan sokongan saya kepada Anggaran Pembangunan yang di-bentangkan di-depan kita ini untuk di-luluskan oleh Dewan. Dengan adanya Rancangan Pembangunan, Tuan Yang di-Pertua, yang di-hadapan kita ini maka dapat-lah kita membuat pembangunan² khas-nya untuk negara dan ra'ayat. Negara maju ra'ayat juga beruntung dan faedah yang besar sekali akan di-nikmati ia-lah oleh ra'ayat.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhir² ini alat senjata ada-lah mendapat perhatian besar untuk memajukan satu² negara ia-itu untuk pertahanan. Sedangkan dalam masa yang akhir² ini kita telah meneliti perkembangan² pertahanan di-sebelah sini memandang kapada peranan Britain; tuan tua kita dengan menggunakan senjata² yang telah tua akan berundur dan Amerika mungkin akan meninggalkan Asia ini terutama di-Vietnam. Maka amat-lah mustahak kita melancarkan bagi memperkuatkan pertahanan negara kita supaya ra'ayat dan negara selamat daripada anchaman atau gertakan dari mana² pehak. Khabar² pula telah dapat kita dengar bahawa Australia akan memainkan perkechualian-nya berkenaan dengan sengketa Filipina dengan kita; Amerika tidak boleh di-ikut

sangat tetapi di-akhir² ini dia lebeh mengancham kapada keselamatan negara kita dan juga Asia Tenggara yang inginkan perdamaian. Apa-kah tujuan-nya permainan Amerika di-Asia pada akhir² ini, kita belum dapat pastikan lagi. Dan baharu² ini pula kita dengar suara ada orang yang menganjorkan supaya negara² Asean menghantar askar²-nya ka-Vietnam konon-nya askar² perdamaian.

Tuan Yang di-Pertua, Amerika sekarang oleh kerana terlampau gagah sangat serta pergerakan dan kata²-nya sudah melampau sangat hingga terlajak perbuatan-nya mungkin tidak lama lagi di-mana² kita boleh melihat "Yankee, go home" tetapi nasib baik kita di-Malaysia berlainan fikiran pula kalau dia hendak go home pun kita tidak menghalang-nya, kalau dia hendak tinggal di-Asia pun tidak ada siapa menghalang-nya. Gertak Nixon untuk menyekat bantuan tidak akan menjadi kesan bagi kita bahkan dengan gertakan itu azam kita lebeh kuat lagi untuk berdiri di-atas kaki sendiri. Kita tahu Nixon memang dahulu sewaktu pentadbiran-nya perkhidmatan U-2 memang termashhor tidak ada siapa yang boleh melupakan tetapi sekarang sudah nampak permainan kotor-nya lagi pula. Makin kuat gertakan Amerika semakin kurang pengaruh-nya di-dunia terutama sekali di-Asia. Tuan Yang di-Pertua, di-Vietnam orang² Amerika di-hantar ka-sana untuk mempertahankan demokrasi Vietnam di-panggil-nya negara² sekutu dua-tiga orang di-champor dengan askar-nya yang beratus² ribu. Jadi kalau ada apa² terjadi maka berkata-lah Amerika bukan aku satu orang sahaja yang mempertahankan demokrasi di-Vietnam bahkan negara² lain pun menolong juga. Bagi negara Allied Forces yang ada di-Vietnam itu saya terjemahkan sebagai Ali Baba Forces bagi perjuangan Amerika menentang aggression di-Vietnam bermatan². Saya tidak hairan kerana apabila barang² makanan di-jumpa oleh pasokan-nya atau Allied Forces barang² makanan itu ada-lah sentiasa product of USA. Kalau tentang senjata kita ma'alum sahaja-lah siapa yang menghantar-nya tetapi apabila

tentang barang² makanan biasa-nya di-dapati product of USA. Jadi ini boleh memeranjatkan orang² yang menghantar askar-nya ka-Vietnam, juga orang² Amerika, askar² Amerika yang berjuang bermati²an di-Vietnam. Fasal champor tangan hal ehwal rumah tangga orang saperti kita apabila hendak mempunyai SST di-gertak²-nya. Jadi tidak usah-lah saya panjangkan cerita itu kerana kita sendiri sudah ma'alum.

Satu fikiran sa-chara baharu pula timbul oleh kerana Amerika tidak boleh tahan agak-nya di-Vietnam, ada pula chadangan² Negara Asean menghantarkan pasokan keamanan-nya ka-Vietnam. Saya harap dalam perkara ini Malaysia meneliti betul² ada-kah CIA bermain dalam Asean. Saya harap Kerajaan timbangan betul² perkara ini. Kita jangan sekali² menghantar askar kita ka-Vietnam walau pun kuat permintaan Asean kerana kita tahu kubor² telah pun di-gali di-sana; kalau kita menghantar orang² kita maka orang kita-lah akan menjadi contents. Kudis di-Vietnam itu, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah kudis buatan Amerika dan chuma doktor² dari Amerika sahaja akan boleh mengubati-nya. Kalau chadangan Asean ini datang sa-chara official kapada Kerajaan kita, pehak Kerajaan hendak-lah menimbangkan dengan teliti kerana di-negara kita pun sekarang sedang di-ancham oleh senjata² buatan Amerika kita juga tidak mampu untuk mengadakan kerahan tenaga di-seluruh negara tidak ada siapa yang hendak membantu kita dalam hal ini pula hendak menghantar askar² ka-Vietnam untuk mengubat kudis, kuman Amerika.

Jadi perkara Vietnam ini biar-lah Amerika sendiri menyelesaikan bukan kita atau Asean.

Masaalah perdagangan, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah menarek minat saya. Sekarang kita telah dapat tahu mengapa barang² kita tidak banyak di-pasaran ta' saperti barang² luar di-negara kita. Masaalah yang di-hadapi oleh kita ia-lah soal pengangkutan yang mahal yang di-kenakan kapada barang² kita, yang kedua-nya soal cukai yang di-kenakan oleh negara² luar yang terlalu

tinggi. Jadi, di-dalam masaalah ini, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Kerajaan telah mengetahui terlebih dahulu mengapa kita tidak membuat chontoh saperti negara² lain tidak mengenakan cukai ka-atas barang² luar yang masok ka-dalam negara kita bahkan kita biarkan berleluas membajiri di-pasaran kita, saya fikir hendak-lah kita ikut chontoh² negara luar dan membuat quota atas barang² yang datang di-sini. Dalam masaalah perdagangan ini juga dahulu kita pernah mendengar dan melihat dengan mata kepala kita sendiri Bank of China di-tutup oleh kerana satu² sebab. Jadi, dalam masaalah ini saya suka Kerajaan mengambil tindakan kapada sharikat² yang menjalankan perniagaan sa-chara Bank of China dahulu di-negara kita. Dalam perhatian saya pada masa sekarang ini ada sharikat kewangan yang menjalankan perniagaan saperti Bank of China juga berluasa di-negara kita tetapi Kerajaan buat ta' berapa nampak sahaja. Sa-patut-nya Kerajaan ada-lah lebeh faham di-dalam soal ini tetapi berdiam diri sahaja. Jadi, saya harap Kerajaan hendak-lah mengambil tindakan ka-atas sharikat² kewangan yang menjalankan perniagaan sa-chara Bank of China dahulu bukan sahaja kapada sharikat kewangan tetapi juga sharikat² lain kalau ada bagini juga hendak-lah di-ambil tindakan dengan segera, dengan tidak berleengah² lagi.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam menaikkan taraf hidup bumiputra di-dalam negara kita ini ada orang yang sangat² sakit hati terutama sa-kali orang² yang sedang mengeram suka dudok atas pagar dan juga saperti pijat² yang suka mengigit menchuri². Saya tidak tahu mengapa-kah yang sa-besar kuku yang ada pada bumiputra itu pun di-ungkit² walhal orang² yang sedang mengeram dan lain² yang saya sebutkan itu baharu beberapa hari umor-nya dalam Malaysia sudah suka melihat pertumpahan darah berlaku di-negara kita. Kalau di-biarkan bagini maka orang² yang baharu bangun, yang baharu sedar ini akan menem-peling orang² yang suka membuat angkara. Jadi, saya harap Kerajaan

hendak-lah mengambil tindakan ka-atas orang² yang suka memarakkan api perkauman di-dalam negara kita yang berbilang bangsa ini supaya jangan terlambat. Kita lihat baharu² ini ada seketul batu telah di-lemparkan kapada orang² bumiputra di-dalam masaalah pelajaran dan juga ekonomi. Jadi sa-belum orang² yang terkena ini sedar baik-lah Kerajaan mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam lapangan ekonomi bumiputra saya harap Kerajaan hendak-lah menubuhkan atau meranchangkan banyak lagi badan² yang boleh menolong bumiputra di-dalam chara kehidupan-nya. Kita tidak boleh mengharapakan sangat kapada MARA dalam serba serbi-nya kerana MARA ada-lah di-sipatkan sa-bagai satu orang yang mempunyai dua tangan, dua kaki atau satu kepala satu otak. Kalau di-ranchangkan lebeh banyak lagi badan² saperti MARA ini lebeh chepat-lah ra'ayat bumiputra mengejar rakan²-nya yang telah berlari jauh—lebeh jauh ka-hadapan. Dasar meninggikan taraf hidup orang² di-luar bandar melalui sharikat kerjasama hendak-lah di-ubah jangan-lah kita mengikut tiori tuan tua kita dahulu yang telah meninggalkan kita; kalau kita tahu penjajah ini tidak suka melihat orang² yang di-jajah hidup ma'amor kerana dia takut kita akan menggantikan tempat-nya di-sebelah sini.

Dalam satu seminar sharikat kerjasama Universiti Malaya dahulu, kalau tidak salah saya, Tuan Yang di-Pertua, ada orang² bandar dengan luar bandar berjanji akan menubuhkan satu sahaja kesatuan bagitu juga gedong kumpulan kewangan-nya tetapi apa telah terjadi sa-lepas itu masing² maseh mengikut fahaman sendiri sa-bagai lama juga, masing² balek ka-rumah masing² dan mendirikan kesatuan masing² dan gedong kewangan masing². Kita sekarang lihat Bank Agong dan Bank Pusat mengapa-kah terjadi bagini? Kata-nya satu untuk ramai, ramai untuk satu. Ini ada-lah problem yang besar. Juga di-dalam lapangan sharikat kerjasama kita tahu di-dalam bandar, sharikat kerjasama ini di-monopoli oleh satu kumpulan yang tidak suka ber-

champur dengan orang² luar bandar. Saya fikir oleh kerana kedudukan-nya sudah tetap tetapi masaalah di-luar bandar belum lagi. Jadi, saya harap Kerajaan dapat menchari satu formula supaya satu persefahaman di-dapati dan tidak lagi fahaman yang berpechah akan timbul di-masa yang akan datang.

Tujuan utama Kerajaan menubuhkan Pejabat Sharikat Kerjasama ini ia-lah untuk menolong antara satu sama lain dan bukan untuk berjalan mengikut haluan masing² terutama sa-kali polisi Kerajaan bagi insan² yang di-luar bandar yang telah ketinggalan di-dalam serba serbi-nya. Kalau orang yang dalam bandar yang banyak mempunyai pengetahuan tidak menolong yang di-luar bandar yang kurang pengetahuan, maka gertak dalam chara sharikat kerjasama antara luar bandar dengan bandar akan lebeh besar dari satu masa ka-satu masa. Satu relationship, satu co-ordination dan satu co-operation antara orang² di-luar bandar dan dalam bandar hendak-lah di-chari dengan segera.

Masaalah kerja, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah menjadi masaalah yang di-hadapi besar oleh Kerajaan. Dalam perkara ini Kerajaan hendak-lah mengawasi orang² yang masuk ka-negara kita hendak-lah di-beri jaminan atau pengakuan dari-nya, bahawa kerja kosong bagi-nya ada-lah jauh sa-kali. Kalau mereka hendak dudok menetap di-sini hendak-lah di-tolak dengan mentah². Kita tahu di-tempat kita sekarang makin lama makin kechil dengan kerana ra'ayat bertambah dari sa-hari ka-sahari. Sekarang kebanyakan orang² yang mendapat kesempatan kad pengenalan merah akan berlipat ganda dari satu masa ka-satu masa dan lama kelamaan akan menjadi anchaman kapada negara kita terutama sa-kali sa-lepas pengundoran tentera² British dari tanah ayer kita. Orang² ini juga akan menjadi satu problem yang besar kapada negara. Ada-kah mereka akan balek ka-tempat asal-nya dan ada-kah negara asal-nya akan menerima mereka? Kita belum dapat pastikan lagi tetapi sekarang saya lihat orang² yang dapat kesempatan di-beri kad pengenalan merah di-layan saperti

orang² yang ada kad pengenalan biru juga—ini ada-lah sangat menyedehkan. Pekerjaan di-negara kita makin lama makin berkurangan oleh kerana banyak gudang² telah bersatu, tiga empat atau lima gudang menjadi satu dan dengan retrenchment oleh sa-suatu sebab. Dimana-kah kita akan letakkan orang² ini sa-kira-nya kita tidak buat lampu merah bagi orang yang hendak menetap di-dalam negara kita? Jadi, saya harap Kerajaan, di-dalam menjalankan pentadbiran-nya; kad pengenalan merah jangan sa-kali² di-keluarkan lagi, melainkan perkhidmatan orang itu kita berkehendakkan sangat².

Kad Pengenalan merah telah di-beri betis oleh Pejabat² Buroh di-tanah ayer kita. Kalau belum ada peratoran hendak-lah di-ranchangkan satu atoran supaya menghindarkan kad pengenalan merah menchari kerja melalui Pejabat Buroh, permit kerja juga hendak-lah di-hadkan pengeluaran-nya dan jangan-lah menjadi macham menjual kacang puteh, asal di-minta di-beri! Minta sahaja di-beri! Jadi, saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, kalau ada sa-macham ini, atau sekatan² yang macham ini, dapat kita mengurangkan bebanan yang di-tanggung oleh negara. Jadi, jangan orang berkata bila kita memilih Kerajaan, kita utamakan ra'ayat, tetapi bila mendapatkan sa-suatu kerja, kita lupakan mereka. Jadi, perkataan² yang sa-macham ini kita tidak hendak dengar.

Akhir sa-kali yang saya hendak bentangkan di-dalam Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah masaalah pengangkutan—pengangkutan laut dan udara. Pengangkutan ini juga boleh mengharumkan nama sa-sabuah negara, terutama sa-kali pengangkutan udara. Kerajaan hendak-lah membuat, atau memanggil pakar² membuat penyiasatan yang rapi dalam hal pengangkutan udara ini. Sunggoh pun pehak Kerajaan berpuas hati dengan pengangkutan udara yang ada sekarang ini, tetapi banyak lagi yang belum puas hati perkhidmatan kongsi ini. Biar-lah yang ada sekarang ini wujud untuk international flight, tetapi untuk dalam negeri sa-kurang²-nya patut kita adakan sa-buah. Kita berani membelanja-

kan wang saperti dalam Development ini berjuta² ringgit, tetapi kita tidak berani dalam lapangan udara yang banyak mendapat untong. Apabila kita telah tubuhkan pengangkutan udara national kita sendiri, kalau hendak rugi yang ada sekarang ini jangan-lah kita hiraukan sangat, bukan sa-orang yang akan rugi, berdua dan lain² dan begitu juga kalau rugi bukan-lah banyak kita rugi dan ta' boleh menggadai negara kita. Dengan Singapura ini kita tidak boleh berkongsi sa-macham ini dan susah hendak memperchayai. Kita tengok apabila Singapura keluar dari Malaysia di-tandatangani satu perjanjian mengatakan Malaysia dan Singapura sa-lepas berpisah hendak-lah menubuhkan satu Perjanjian Pertahanan, tetapi hingga sekarang saya belum dengar apa², sudah bertahun² perpisahan ini berlaku dan Singapura sendiri ta' mengindahkan perkataan yang ia sendiri menandatangani. Jadi, saya harap Kerajaan membuat satu publicity survey, satu survey bagi menubuhkan Sharikat Penerbangan National kita sendiri.

Kita tengok Taiwan sunggoh pun negara-nya kecil, ada national airline-nya sendiri, mengapa kita yang di-katakan ma'amor di-sabelah sini ta' dapat mengadakan? Jadi, ini satu tamparan hebat kepada kita. Kita telah berbelanja berpuluh² juta membuat Subang Airport, tetapi ta' ada iktiar hendak menubuhkan sa-buah penerbangan national, pada hal kita mempunyai banyak lapangan terbang dan juga Kerajaan membelanjakan berjuta² ringgit bagi membaiki-nya. Jadi, kita harap, harus mengadakan satu penerbangan kita sendiri dan pengangkutan udara ini belum masa sekarang ini meningkat dari satu masa ka-satu masa saperti mana kita telah dengar statistik² dari Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dahulu di-dalam Dewan yang mulia ini, tetapi kalau peluang yang membawa untong ini kita lepaskan, maka ta' dapat-lah saya katakan apa² lagi dan juga kita boleh mengadakan perjalanan terus dari sini ka-Tokyo, Hongkong, Taipeh, London, Paris sa-terus-nya ka-Russia dan lain² tempat.

Pada masa sekarang kita tidak boleh mengadakan perjalanan terus, kerana kita terpaksa menimbangkan sa-suatu. Jadi, kalau-lah di-ranchangkan, atau kita ada satu penerbangan nasional kita sendiri, kita pun boleh juga memanggil, atau pun menjemput international airlines yang lain bersama dengan kita supaya apabila kita berkehendakkan sa-suatu, kita boleh dapat pertolongan dari mereka seperti juga sharikat penerbangan yang ada sekarang, ada juga sharikat penerbangan yang lain di-dalam-nya. Sekian, terima kaseh.

Tuan Ganing bin Jangkat (Sabah): Tuan Yang di-Pertua, saya berchakap sa-bagaimana kawan² saya di-pehak Parti Perikatan menyokong dan meng-ucapkan sa-tinggi² tahniah kepada Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri kita dan Yang Amat Berhormat Tun, Timbalan Perdana Menteri, atau pun Bapa Pembangunan Negara Malaysia yang mana bertugas bersungguh² bagi keamanan, kema'amoran ra'ayat negara kita yang mana sungguh pun bermacam² hal yang di-hadapi oleh negara, tetapi perjalanan pemerentahan negeri kita di-sanjong tinggi oleh ra'ayat dan sa-terus-nya oleh Kerajaan² luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan-lah saya berchakap sa-chara 'am di-dalam Dewan yang mulia ini, ia-itu, Tuan Yang di-Pertua, kami dapati Yang Berhormat Dr Tan Chee Khoo, wakil dari kawasan Batu berchakap dalam Dewan ini menudoh yang bukan² kepada pemimpin² Parti Perikatan dan sa-terus-nya Menteri² Sabah dan juga pada Ketua Penchegah Rasuah di-Sabah, Superintendent Abdul Rahman bin Ismail.

Tuan Yang di-Pertua, kami tahu Yang Berhormat wakil dari kawasan Batu bermaksud, atau tujuan-nya ia-lah supaya Kerajaan Perikatan Sabah tidak di-perchayai oleh ra'ayat, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, suka saya memberi penerangan kepada Yang Berhormat wakil dari kawasan Batu yang kami di-Sabah mempunyai pemimpin yang jujur dan tulus ikhlas kepada semua ra'ayat di-Sabah tidak lain ia-lah Yang Amat Berhormat Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun. Ra'ayat Sabah

sedar apa yang sa-benar²-nya ke-dudukan Kerajaan Perikatan di-Sabah untuk kebaikan ra'ayat-nya dan satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat wakil Gerakan dari kawasan Batu tidak sedar yang mana Ketua Penchegah Rasuah, Sabah, Superintendent Abdul Rahman bin Ismail dengan tidak berat sa-belah untuk menjalankan tugas²-nya di-Sabah dengan sungguh² dan jujur.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, diminta Yang Berhormat wakil dari Batu memberi bukti² perchakapan-nya yang menudoh dan merendah²kan maruah pemimpin² Sabah, terutama sa-kali pada pemimpin² agong kami, ia-itu Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun dan Menteri² kami, Sekian, terima kaseh.

Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud (Johor Bahru Barat): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dan meng-ucapkan sa-tinggi² tahniah kepada Yang Teramat Mulia Tunku dan Timbalan Perdana Menteri, Tun Haji Abdul Razak sa-bagai Pengerusi Pembangunan Negara dan Luar Bandar berkenaan dengan anggaran perbelanjaan Pembangunan Negara kita. Semenjak 11 tahun kita merdeka negara kita telah dapat meninggikan iktisad terutama sa-kali iktisad penduduk² di-luar bandar. Saya ucapkan shukor alhamdulillah kepada Allah ta'ala.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka berchakap sedikit dalam perkara Anggaran Pembangunan Kepala 7—ia-itu Tentera Laut Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, pengkalan kapal perang kita pada masa ini yang ada di-kawasan Singapura ia-itu di-Woodlands Singapura sa-buah negara yang merdeka dan berdaulat, maka kurang-lah elok-nya jika pengkalan kapal perang Kerajaan kita mempunyai pengkalan-nya di-negara itu. Ya, di-masa aman ini tiada-lah mengapa dan tidak khuatir tetapi jika ada terjadi sa-suatu peperangan—barang di-jauhkan Allah subhanahu wata'ala, hal ini akan memberi dan menjadikan satu kerumitan dan susah hendak di-tadbirkan pengkalan² itu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana negara kita ini banyak lagi tempat²

yang sesuai dan patut di-jadikan pengkalan kapal perang kita, maka sudahlah sampai masa-nya bagi pihak Kementerian Pertahanan kita dari sekarang juga memindahkan sedikit demi sedikit pengkalan itu ka-kawasan negara kita dan saya suka mengshorkan bahawa sa-buah pengkalan kapal perang tentera laut hendak-lah di-bena di-kawasan Johor atau pun di-mana² juga yang sesuai tetapi sa-elok²-nya sa-buah di-Johor dan sa-buah lagi di-sebelah utara. Di-Johor Bahru ada satu kawasan ia-itu kawasan di-namakan Mukim Tebing Runtoh di-Johor Bahru Barat ada sa-buah kawasan yang besar-nya 2,000 ekar dan di-tepi laut. Kalau sa-kira-nya kawasan ini Kerajaan Pusat memohon kepada Kerajaan Johor saya perchaya Kerajaan Johor sedia memberikan untuk pertahanan negara kita. Saya harap perkara ini dapat di-timbangan oleh Kementerian yang berkenaan kerana keselamatan tentera² laut kita yang ada pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka berchakap sedikit berkenaan dengan Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama ia-itu ranchangan lembu, kerbau dan ma'af, Tuan Yang di-Pertua, kerbau pendek dan pengeluaran susu lembu. Berkenaan dengan pemberian lembu² pawah kepada orang² kampung yang ada pada masa ini, itu ada-lah baik dan saya ucapkan terima kaseh kepada Kementerian yang telah bermurah hati kepada penduduk² kampung tetapi sudah beberapa tahun lama-nya lembu pawah di-beri kepada mereka² yang bernasib baik, pendapatan saya telah saya lihat dalam 5-6 tahun ini, keuntungan-nya sangat sedikit sahaja dan maseh jauh berkurangan yang diterima oleh mereka itu dan Kerajaan juga tidak mendapat keuntungan yang sa-wajar-nya daripada ranchangan pawah ini dan ini tidak akan dapat menampung perbelanjaan negara kita. Kebanyakan daging² dan susu yang di-masokkan ka-dalam negara kita batus² juta banyak-nya pada tiap² tahun. Susu dan daging ini kebanyakan datang dari luar negeri umpama Australia, Amerika dan lain² tempat. Ini dapat kita mengurangkan daripada perbelanjaan sa-macham itu dan wang kita mengalir tidak berhenti² sa-lagi pendu-

dok kita ini hendak makan daging maka daging kita tidak chukup. Saya suka mengshorkan, Tuan Yang di-Pertua, supaya Kerajaan membuat suatu pilot scheme atau ranchangan bagaimana ranchangan Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Kerajaan memberi pada satu orang 10 ekar tanah dan sa-bagai-nya dan ini pun saya harap Kerajaan menchari suatu tapak tanah menjadikan pilot scheme pada tiap² negeri dalam negara kita umpama-nya di-Johor atau pun di-Negri Sembilan dan sa-terus-nya, di-tiap² negeri dalam negeri kita buat satu pilot scheme ia-itu sa-kurang²-nya satu kawasan tidak kurang daripada 1,000 ekar dan di-lengkapkan dengan tanaman rumput untuk makanan haiwan² saperti lembu, kerbau serta kambing bagaimana kita jalankan ranchangan Pembangunan Negara dan Luar Bandar siap dengan rumah peneroka²-nya dan pegawai²-nya kemudian tiap² satu ranchangan di-tempatkan lembu sekurang²-nya tiap² satu kelamin di-beri 15 ekor lembu betina baka yang baik dari Indonesia, India, Siam dan Australia dan ini akan di-pilih pula orang² yang suka atau pun yang biasa membela haiwan² ini dan juga telah di-lateh oleh pegawai² haiwan dan orang yang di-masokkan dalam ranchangan ini supaya dapat membela lembu² itu sa-chara kerjasama. Bukan itu sahaja bahkan pegawai²-nya yang di-gaji oleh Kerajaan itu pun di-beri peluang di-beri sama juga 15 ekor tiap sa-orang dan ini apabila sudah menghasilkan sa-lepas 2-3 tahun yang akan datang mereka itu dapat membayar balek kepada Kerajaan. Saya perchaya dalam 1,500 ekor lembu dalam tempoh dua tahun sahaja akan mengeluarkan lagi anak²-nya sekurang²-nya 1,000 ekor dan sa-terus-nya tiap² tahun akan meningkat. Dengan ini saya perchaya dalam masa 5-6 tahun kita sudah dapat mengeluarkan susu dan kita boleh mengeluarkan mentega keju dan sa-bagai-nya. Saya perchaya kalau ranchangan ini di-buat, ini akan mengelakkan daripada wang kita yang di-belanjakan dengan tidak ada balek sa-mula. Bukan itu sahaja, saya harap ranchangan kerbau pendek pun di-beri peluang kepada orang² China terutama sa-kali supaya mereka itu memelihara

untuk mereka itu sendiri dan ranchangan ini di-buat bagaimana Ranchangan Pembangunan Negara dan Luar Bandar juga, Tuan Yang di-Pertua, bagitu juga kambing. Saya perchaya tidak berapa lama lagi dalam tempoh 10-15 tahun apabila hutang² sudah di-bayar hak² itu akan terpulang-lah kepada peneroka² di-situ. Demikian-lah terima kaseh.

Tuan Kam Woon Wah (Sitiawan) (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, as we go along, we will see that the defence expenditure of our country will be increasing day after day and, therefore, it becomes more imperative for us to see that our national revenue also be increased day after day, otherwise it would become intolerable for our Government or, for that matter, any Government to manage the country and keep the standard of living of our people as high as possible.

Sir, in passing, I may say that recently the United States of America has committed a serious act of interference in the internal affairs of our country in the purchase of our defence equipment. From that act, it is clear that America is not with us—it is more with our enemy. It, therefore, follows that a big fish is always capable of eating up the small fish.

Sir, the next one is our old friend, Britain. I think we have, in recent months or recent years, been very tolerable with her over a series of hypocritical acts committed by her one after another, and I hope that by now our Government will realise that we cannot depend on Britain any more for her help in the hour of our need. Further, the latest friends of ours in the Commonwealth, Australians and New Zealanders, they are now adopting the same type of language which has been used by Britain. So, from all these, I urge that our Government will have to re-think and re-plan the defence of our country. We may have to turn radically against our original policy, so that we will not be subjected to all sorts of interference by the Western allies whom we have always regarded as friends and allies on whom we rely during our time of trouble.

Sir, as I said, with the increase of our defence expenditure, we have got to concentrate on more internal revenue to balance up our budget. Now, as our country is basically an agricultural country, we therefore have to open up more land. Sir, it is quite paradoxical to say that some of our people are starving in the midst of plenty—that is, we have got land yet they have not been opened up and, if they are, they are very slow. Sir, I am saying this because some States are not doing their part to help relieve the shortage of land in the country. Sir, if that is the case, I would urge our Central Government to use the big stick to deal with some of these States, because land is a State matter, and therefore, in order to deal with that, we may have to use a big stick, that is by amending the Constitution.

Sir, I know that there are difficulties to take this course of action because, if we do succeed in amending our Constitution on the Federal level, that cannot work because that must be ratified by the various respective State Governments. However, I am sure with the ingenious way of our legal boys in the Legal Department, we can go round that. Sir, if this is done, I am sure no Opposition Members can attack us, the Alliance Government, for again amending the Constitution. I am sure they will not dare to say so, because if we do amend, the amendment is good for our people—we just do not amend for the sake of amendments.

Sir, the Alliance policy in uplifting the standard of living of our people cannot be challenged or cannot be denied by the Opposition, but the only point which can be criticised is the implementation of it. The policy of the Alliance Government is good, it is for the good of all our people in the country, but in certain cases some civil servants have either wrongly or deliberately wrongly implemented the policies of our Government and that has caused the criticisms by our people. So, on this point, I urge that all the Heads of the Ministries and all our Honourable Ministers be firm in dealing with some of the civil servants, because some of them, I suspect, their sympathy

is not with the Alliance Government—they may be with the Opposition. So, I hope our Honourable Ministers will also keep a watchful eye all the time on these civil servants and pull them up and deal with them as heavily as possible—here I do not have to quote the recent events of our neighbouring country as to how they dealt with some of their recalcitrant civil servants. Thank you.

Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil peluang mengemukakan sa-tinggi² tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang telah memberi satu ucapan yang sangat bernas, terang dan jelas dan berani ia-itu menerangkan segala²-nya dari segi kemajuan dan juga daripada segi² yang tidak mendapat kemajuan.

Dalam penerangan² beliau tadi, telah di-jelaskan dalam satu buku “Kajian Sa-mula Ranchangan Malaysia Pertama 1969-1970”, yang telah di-bentangkan di-Dewan ini dua hari yang lalu dan di-sertakan dengan ucapan beliau itu berdasarkan kepada kenyataan² yang penoh dan jelas. Jadi kita berasa hairan, bagaimana-kah tuduhan² daripada Parti Gerakan, Wakil dari Batu, mengatakan ada-lah segala penyata² dalam buku itu tidak benar dan sa-bagai-nya. Saya memandang ucapan ini satu ucapan yang sangat memberi ma’ana kepada kita pada masa yang hadapan. Dalam ucapan itu beliau telah menerangkan keadaan kita meminjam wang dalam beberapa segi daripada luar negeri, dimana mendapat kekurangan sambutan dan di-sini saya memandang ia-itu dari segi pembangunan untuk mendapatkan modal², saya perchaya kita boleh dapat modal² ini dengan satu chara ia-itu mengambil kepercayaan atau pun dalam bahasa Inggeris, daripada Private Sector—kita hendak-lah mengambil perhatian yang penoh, bekerjasama supaya private sector ini boleh memberi nasehat dan sa-bagai-nya dalam chara² kita menjalankan perusahaan kita. Pada masa yang lampau, yang telah saya lihat, Tuan Yang di-Pertua, private sector ini chuma di-nasehatkan mengambil bahagian yang chergas, tetapi

tidak di-ambil bersama² berunding mendapatkan fikiran²-nya pada hal banyak masaalah² yang timbul yang kita sendiri tidak berapa faham dalam segi menjalankan perusahaan seperti masaalah² mendapatkan tanah² yang begitu lambat daripada Kerajaan² Negeri, masaalah² berkenaan dengan pengangkutan, masaalah² berkenaan dengan pelabohan² banyak masaalah² yang belum dapat pemodal² berasingan ini masuk chergas. Ini patut di-baiki. Jadi dalam perkara ini kalau dapat kerjasama private sector, dapat-lah di-selesaikan masaalah² ini dengan sa-berapa chepat.

Dalam masaalah tanah, banyak masaalah-nya, Tuan Yang di-Pertua. Jikalau sa-orang pemodal hendak mengadakan satu perusahaan terpaksa-lah melalui beberapa peringkat. Yang pertama, dengan Kerajaan Negeri berkenaan dengan peruntukan tanah. Yang kedua, dengan Pejabat Pertanian berkenaan dengan hak boleh bertanam ber-bagai jenis tanaman. Yang ketiga, hak berkenaan dengan galian². Jadi banyak sangat-lah masaalah atau peringkat² yang patut dan yang mesti di-lalui oleh satu² perusahaan yang hendak mengambil bahagian. Jadi kalau dapat semua peringkat² ini bersama² berunding di-meja, maka dapat-lah di-selesaikan dengan sa-berapa chepat-nya. Jadi saya rasa masaalah modal tidak menjadi masaalah yang besar.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, dalam pembangunan tahun ini satu perkara yang saya hendak juga mengambil bahagian ia-lah berkenaan dengan penanaman sa-mula getah. Saya ia-lah mewakili sa-bahagian besar pekebun² kecil di-tanah ayer kita, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu saya sa-bagai, Timbalan Yang di-Pertua Persatuan Pekebun² Kecil Tanah Melayu. Jadi saya ada penyata yang terang menerangkan banyak lagi pekebun² kecil yang lima ekar ka-bawah yang belum lagi mengambil peluang bertanam sa-mula. Pekebun² kecil ini tidak sanggup bertanam sa-mula ia-lah memandang kepada keadaan pendapatan² yang di-agak boleh dapat jikalau mereka menanam sa-mula. Begitu-lah pandangan sa-tengah²

mereka. Jadi sungguh pun begitu, rasa saya, mereka sangat² berkehendakkan satu chara supaya wang² cess yang telah di-kutip daripada mereka ini semenjak 1953 dapat juga mereka gunakan ia-itu dengan chara supaya pekebun kechil ini boleh bersatu dalam satu Sharikat Kerjasama atau pun dalam satu persatuan besar mengambil tanah² yang baharu, sa-bagaimana tanah yang banyak yang ada di-negeri Pahang yang boleh di-untokkan kepada pekebun² kechil. Dengan wang bantuan sa-banyak \$750 itu dapat-lah mereka ini menambahkan harta mereka sa-lepas bertanam kebun² baharu ini sa-hingga lima, enam tahun telah boleh di-toreh. Maka pada masa itu boleh-lah mereka menanam sa-mula kebun² lama itu. Jadi dengan chara² itu dapat memberi pertolongan yang besar kepada pekebun² kechil yang saya mewakilinya.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu berkenaan dengan orang² asli. Dalam pembangunan ini saya juga berharap sangat dapat peruntokan² yang besar untuk memajukan orang² asli sebab di-daerah saya, Tuan Yang di-Pertua, ada lebeh kurang 10,000 orang asli di-tempat saya. Jadi kemajuan² ini sangat saya kehendaki, terutama sa-kali mengadakan jalan² masok ka-kampung² mereka. Yang kedua, berkenaan hal bertanam padi, mengadakan bekalan² ayer yang juga sangat di-gemari oleh orang asli ini. Yang ketiga, berkenaan dengan sekolah² juga. Sekarang orang asli sudah berasa yang mereka berkehendakkan sangat pada pelajaran. Banyak sekolah mereka sekarang boleh di-katakan terlampau kechil. Umpama, saya chontohkan, Sekolah Fort Iskandar, di-kawasan saya itu sangat² kechil di-bandingkan dengan bilangan budak² yang ada belajar di-sekolah itu. Jadi ini-lah kemajuan² yang saya harap dapat di-jalankan dengan peruntokan yang di-adakan untuk Pembangunan Negara pada tahun 1969 ini.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, masaalah tanah ia-itu berkenaan dengan orang² miskin yang menggunakan tanah Kerajaan dengan chara haram ia-itu illegal occupation. Ada mereka itu yang sungguh² menggunakan tanah itu

kerana keperluan hidup-nya bukan-lah kerana mereka hendak melanggar undang² atau sengaja hendak melawan Kerajaan,—tidak sekali². Tetapi sa-belum tahun 1957 mereka telah meminta tanah pada Kerajaan dan oleh sebab tidak mendapat kelulusan atau pun tidak mendapat kejayaan mendapatkan layanan, terpaksa mereka menggunakan tanah itu untuk keperluan hidup oleh sebab tidak dapat kelulusan. Mereka itu telah di-chap sa-bagai mendudoki tanah haram dan dikenakan hukuman yang begitu berat terutama sekali dalam kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua, seperti di-kawasan Kemayan, Mengkuang dan Kerayong. Tetapi di-dalam itu saya tidak bersetuju sa-kali² bagi orang² yang ada wang yang sengaja hendak melanggar undang². Saya tidak-lah bersama² mereka itu tetapi kepada mereka yang betul² miskin, yang betul² susah, tetapi berchita² hendak meninggikan taraf hidup-nya, saya harap mendapat perhatian, mendapat pertolongan daripada Kerajaan kita sungguh pun perkara ini Kerajaan Negeri tetapi saya perchaya ia-itu Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Tanah dan Galian-nya dengan National Land Council-nya dapat bekerjasama dengan Kerajaan Negeri menyelesaikan masaalah ini. Orang² yang mendudoki tanah haram, Tuan Yang di-Pertua, kalau pada masa ini, kalau pergi-lah ka-kebun² mereka boleh di-katakan sangat² memuaskan hati, sangat bersehh dan sangat di-jagai oleh mereka² itu dan ini juga telah memberi pendapatan yang besar pada Kerajaan kita ia-itu melalui getah² yang telah mereka keluarkan dan kita telah mengutip cess²-nya. Jadi saya berharap sangat²-lah mendapat perhatian dan simpati daripada Kerajaan kita terhadap mereka yang saya cheritakan tadi.

Satu lagi masaalah tanah juga, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan orang² yang dudok di-Kampung² Baru, Tuan Yang di-Pertua, orang² yang dudok di-Kampung Baru ini ia-lah pada asal-nya di-kumpulkan sa-masa kita dalam dharurat dahulu ia-itu lebeh kurang 20 tahun. Pada masa itu kawasan itu di-dudoki oleh chuma sa-bilangan kechil daripada orang² di-situ tetapi sekarang sa-sudah 20 tahun

mereka itu telah baik dan ramai. Masaalah-nya bagaimana mereka² itu boleh mendapatkan tanah untuk mendirikan rumah² untuk kediaman mereka? Saya berasa betul mushkil kerana banyak juga kawasan² orang ini dudok sa-buah rumah ada sampai empat lima kelamin pada hal ada sa-paroh-nya tanah yang boleh di-dirikan rumah, tetapi oleh sebab tidak ada satu ranchangan yang tegas oleh Kerajaan Negeri untuk membolehkan mereka membuat rumah di-kawasan² yang kosong itu kerana agak-nya pehak berkuasa menhadangkan atau dan membuat satu dasar atau pun ada ranchangan lain yang belum lagi dapat di-laksanakan. Jadi di-sini-lah saya berasa kalau dapat kita menolong orang² susah ini untuk mendirikan rumah-nya sekira-nya mereka² tidak berkehendakkan pertolongan daripada Kerajaan, untuk membuat rumah tetapi mereka sendiri boleh mendirikan rumah itu chuma mereka berkehendakkan tapak sahaja sa-luas lebih kurang satu rantai persegi. Ini masaalah yang timbul banyak di-kawasan² Kampong Baharu yang di-dudoki oleh orang² China seperti di-kawasan saya.

Saya rasa itu-lah empat lima perkara yang saya chuba bentangkan di-Dewan ini untuk dapat perhatian Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar supaya orang² yang saya cheritakan tadi dapat kesenangan dari peruntukan pembangunan kita bagi tahun 1969 ini. Dengan ini saya sekali lagi mengambil peluang sunggoh pun saya telah berucap dalam ucapan dasar ia-itu dasar berkenaan dengan Belanjawan negara sa-bagaimana yang saya katakan Ranchangan Luar Bandar ranchangan Kerajaan kita yang begitu banyak di-kawasan saya sa-bagaimana yang saya katakan tadi. Sa-kali lagi saya menguchapkan terima kaseh kerana ranchangan² yang begitu banyak dan yang telah memberi beberapa banyak faedah yang besar kepada ra'ayat. Terima kaseh.

Dato' Haji Hussein bin Mohd. Noordin (Parit): Tuan Speaker, terlebih dahulu saya hendak menguchapkan sa-tinggi² tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang bertanggung-jawab ber-

kenaan dengan pembangunan negara dan luar bandar. Saya sa-bagai wakil daripada kawasan luar bandar suka-lah membawa balek pandangan di-belakang 11 tahun dahulu apabila saya telah di-pilih menjadi wakil ra'ayat di-dalam kawasan saya. Di-dapati keadaan di-kawasan saya tambah juga seluroh kawasan di-Sungai Perak adalah di-dalam keadaan gelap gelita. Jika saya sebutkan kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua, lebih ma'alum di-dalam negeri Perak yang di-katakan negeri Perak ia-lah kawasan² saya sebab itu-lah mula²-nya ra'ayat orang Melayu dudok bermastautin dalam kawasan itu menjadikan negeri Perak pula kemudian² hari. Maka sudah tentu-lah kawasan seperti macham itu kawasan yang selalu dapat tindasan daripada penjajah. Maka tentu-lah tidak ada apa² ranchangan yang dibuat di-masa penjajah British dahulu memerintah sa-lama 150 tahun. Tetapi apabila kita telah merdeka, Tuan Yang di-Pertua, kawasan saya juga boleh-lah di-katakan kawasan yang bersemangat kemerdekaan. Jika kita tengok tawarikh di-situ-lah Tuan Birch telah dibunuh oleh orang² yang menentang penjajah British. Jadi masa saya mula² jadi wakil ra'ayat ia-itu lebih kurang 10 tahun dahulu, tidak ada satu batang jalan pun dalam kawasan saya chuma jalan-nya sa-banyak 5 sa-tengah batu di-dalam kawasan itu. Kawasan² Sungai Perak ini tidak ada lombong, tidak ada kayu balak, tidak ada apa melainkan mengikut sungai, begitu-lah tanah-nya rata ia-itu tanah pertanian.

Jadi tentu-lah penduduk² di-sana, gulungan² di-sana tentu-lah gulungan daripada petani dan juga ada sa-tengah²-nya mengeluarkan buah²an ia-itu kawasan saya juga boleh di-katakan chukup di-ketahui dan di-kenal sa-bagai pengeluaran durian. Jadi waktu saya mula² menjadi wakil ra'ayat dan juga masa saya kechil biasa melawat mengikut orang tua saya, bila masa musim durian di-dapati beribu² buah durian di-tepi sungai Perak menunggu bot datang dari Telok Anson supaya mendapat durian itu di-hantar ka-Ipoh atau ka-bandar yang besar. Dan masa itu sa-biji durian, Tuan Yang di-Pertua,

jikalau Tuan Yang di-Pertua ingat ia-lah sa-biji durian 10 sen bila tiba di-Ipoh kita boleh beli satu becha dengan \$1.00 sebab durian itu sudah masam jadi kata orang Perak, Tuan Yang di-Pertua, durian sa-macham itu chuma boleh buat tempoyak.

Tetapi sekarang, Tuan Yang di-Pertua, dengan ada-nya ranchangan luar bandar kawasan di-Sungai Perak dari Parit sampai ka-Hilir Perak dengan ada-nya sa-batang jalan raya yang first class dari Parit sampai ka-Kampung Gajah, seberang kiri dan seberang kanan hari ini durian dari Sungai Perak boleh di-dapati di-Singapura dalam 6½ jam harga-nya, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu jikalau di-Kuala Lumpur di-pasar ia-lah satu biji durian \$1.50 tetapi di-Singapura di-timbang dengan kati ia-itu \$2.50 sa-kati. Jadi, ini-lah yang saya berasa jikalau ada orang mengatakan Ranchangan Luar Bandar ini tidak berguna, tidak ada memberi faedah atau tidak memberi bertambah hidup kepada orang luar bandar, ini orang, orang munafek—bukan saja masa durian, masa manggis begitu juga, masa rambutan begitu juga, sebab saya katakan, Tuan Yang di-Pertua, kawasan saya itu ada-lah kawasan pertanian, tidak ada lombong, tidak ada bijeh, tidak ada kayu kayan melainkan usaha mereka untuk pencharian mereka daripada padi dan juga buah²an yang keluar dari kampung².

Jadi hari ini, Tuan Yang di-Pertua, saya berasa bangga menjadi wakil di-sana, wakil Kerajaan Perikatan, Parti Perikatan, sebab mendirikan, menyedarkan, memperbaiki hidup orang yang telah di-tindas oleh penjajah. Jadi, ini-lah satu² benda yang kita nampak walau pun kita berbelanja berjuta² ringgit di-kawasan luar bandar tetapi kesan²-nya telah pun kita nampak. Jadi, hari ini pula dengan ada-nya jalan, dengan ada rumah² bidan dan juga ada kelinik² baharu di-kawasan saya, saya munguchapkan terima kaseh kepada Yang Amat Berhormat. Juga nampak dalam Development Estimates ini telah pun ada peruntokan sa-buah Hospital Luar Bandar sa-banyak \$½ million di-untokkan

bagi tahun 1969 ini. Jadi saya perchaya ra'ayat di-dalam kawasan itu berasa terima kaseh dan shukor kepada Yang Amat Berhormat.

Jadi, apa yang saya takut dalam kawasan saya, barangkali Ahli² Yang Berhormat pun ma'alum, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ma'alum, ia-lah—ini perkara kita tidak boleh dapat di-elakkan ia-lah perkara di-jadikan oleh Allah ta'ala, takdir Allah ta'ala, ia-lah berkenaan dengan bah—bah modern, Tuan Yang di-Pertua. Bah modern ini tidak ada musim. Kita selalu dalam negeri Perak di-katakan 10 tahun sa-kali baharu bah tetapi nampak-nya modern sekarang ini bukan 10 tahun, boleh kata tiap² tahun. Saya takut bagini banyak daripada tanah² yang di-tepi Sungai Perak ini telah runtoh kerana erosion. Jadi ini yang saya takut tanah² di-tepi sungai telah erosion kerana ayer; jikalau hujan 2-3 hari sudah ayer Sungai Perak itu naik sampai ka-kampung². Ada-kah Kerajaan mengambil penyiasatan bagaimana orang yang dudok bertahun² yang banyak di-tepi Sungai Perak supaya memindahkan ka-ranchangan tanah? Saya tahu kawasan saya ini tidak ada bertanah sebab itu-lah satu kawasan yang di-penohi oleh penduduk² di-dalam negeri Perak sebab kawasan itu sudah beratus² tahun di-pesakai oleh penduduk² di-sana sudah turun menurun jadi ada sekeping tanah 5 ekar sudah di-bahagikan kepada warith² yang ada dudok sekarang ini, sudah terlampau sangat ramai di-dalam kawasan itu jadi itu-lah saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dan sunggoh pun ada ranchangan² Kerajaan hendak membuka kampung baharu di-dalam kawasan Trans Perak ia-itu Trans Perak DID Scheme—ranchangan ini sudah lama, sudah makan masa tiga tahun hendak buat satu kampung chontoh sudah di-untokkan kawasan dan sukat menyukat sudah sedia, planning sudah sedia, tetapi sampai sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab merbahaya yang saya sebutkan tadi patut-lah Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan dapat menguntokkan wang supaya dapat kita memindahkan orang² atau penduduk²

di-kawasan yang merbahaya itu kawasan yang kita hendak buka menjadi satu kampung baharu, kampung baharu ma'ana-nya ada-lah kampung mengikut keadaan² yang kita dudok sekarang ini ia-itu semua di-adakan, rumah di-adakan sekolah di-adakan, kelinik di-adakan, apa juga facilities ada di-kampung itu dan di-beri juga orang kampung itu tanah dan bendang untuk mereka berusaha.

Dan lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga di-dalam kawasan saya banyak yang mengatakan jambatan yang sudah runtohtu akan di-ubah ka-tempat lain, tetapi saya perchaya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri boleh bersetuju dengan pendapat saya jikalau di-ubah jambatan yang roboh itu di-buat tempat lain ini akan memakan belanja yang lebeh daripada yang kita sudah buat dahulu tetapi sudah roboh sekarang sebab jikalau di-ubah kena makan belanja yang besar bukan \$2-3 juta bahkan boleh sampai \$6 juta. Saya perchaya jikalau jambatan yang ada di-Bota ini di-adakan di-situ juga dan ada tempat jambatan yang belum lagi di-roboh tengah² itu jikalau dapat di-sambong maka kita boleh menjimatkan belanja jikalau kita hendak mengubah 10 batu ka-atas atau 10 batu ka-bawah, kena pula buat jalan. Jadi, jalan saya tahu jikalau hendak buat selekoh pun dekat \$40,000-\$100,000 kena belanja dan juga orang sana dapat gunakan jambatan yang runtohtu oleh sebab ada 1,000 murid² sekolah dari Bota Kiri menyeberang sungai hari² untuk belajar di-sekolah menengah rendah di-Bota Kanan. Ini ada-lah satu merbahaya yang besar jikalau ada hujan di-Grik ayer hujan akan datang ka-Parit, ini merbahaya sebab tidak ada motor bot yang selamat untuk membawa kanak² dan murid² sekolah dari Bota Kiri ka-Bota Kanan chuma ada sa-buah bot—itu masing² hendak masok dahulu, masing² bertolak², kadang² ini akan mendatangkan bahaya. Jadi, dengan ada-nya jambatan saya perchaya jikalau jambatan di-baiki di-tempat itu saya perchaya ini akan mengurangkan lagi perbelanjaan kita.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Speaker, untok penerangan. Tidak ada chadangan hendak mengubah jambatan ini hanya-lah hendak di-baiki tempat yang runtohtu dan hendak mem-baiki di-sabelah menyebelah supaya jikalau bah tidak lagi runtohtu jambatan itu.

Dato' Haji Hussein bin Mohd.

Noordin: Saya berasa dengan kenyataan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri itu rasa saya ra'ayat saya hari ini berasa shukor dan berasa terima kaseh kepada Yang Amat Berhormat. Jadi, itu-lah perkara yang saya hendak berchakap berkenaan dengan kawasan saya. Lagi sa-kali saya sa-bagai mewakili kawasan luar bandar saya patut berdiri hari ini sebab jikalau saya pergi ka-kawasan itu jikalau Tuan Yang di-Pertua pergi ka-kawasan itu tidak-lah macham dahulu hendak naik basikal atau hendak naik bot. Hari ini saya boleh pergi dengan kapal terbang, boleh 30 batu ka-Kampung Gajah dengan satu jam sahaja. Ini saya perchaya ada juga kawan² saya, sahabat² saya, dari Indonesia ada juga datang melawat Tanah Melayu ini bila dia kata mengapa di-kawasan bandar dia tengok, lihat rumah² batu dan rumah² ini bukan di-punya'i oleh orang Melayu. Tetapi saya kata kepada dia mari pergi luar bandar, pergi luar bandar tengok dan baharu berchakap dengan saya dahulu bila dia pergi luar bandar dan dia dapat penerangan daripada pegawai² daripada luar bandar dan usaha² Kerajaan supaya penduduk² di-luar bandar itu sa-imbang dengan penduduk² di-dalam bandar, maka baharu-lah dia jumpa saya, dia kata ini tidak ada Kerajaan dalam satu dunia ini yang telah membuat jasa kepada ra'ayat dan tidak ada satu Kerajaan dalam dunia ini yang ada ranchangan sa-macham ini. Jadi ini-lah jikalau kita sudah patut juga hari ini menyeru kepada ra'ayat negeri Kelantan supaya dalam pilihanraya yang akan datang ini supaya pengundi² di-Kelantan juga berasa insaf dan kembali kepada pemerintah Kerajaan Perikatan (*Tepok*).

Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Dato' Yang di-Pertua, terima

kaseh. Saya bangun menyokong Anggaran Belanjawan Pembangunan yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar serta ada di-kaitkan dengan buku yang ada di-hadapan kita, "Kajian Sa-mula Rancangan Malaysia Yang Pertama.

Tuan Yang di-Pertua, saya chuma sangat tertarik hati atas ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi dengan mengatakan bahawa Australia dan New Zealand sangat hampir dengan kita ada-lah menggalakkan kita di-Malaysia ini, sebab, Tuan Yang di-Pertua, kita sedia ma'alum dengan undor-nya tentera British daripada kawasan ini satu daripada masaalah yang besar kita akan terima berhubung dengan penganggoran bagaimana yang kita telah bincangkan tadi dalam Dewan ini.

Dalam masaalah pertahanan, Dato' Yang di-Pertua, benar kita boleh berdiri di-atas kaki kita sendiri tetapi hendak-kan bekerjasama dengan negara² tetangga kita. Saya sangat lapang atas dasar yang di-buat oleh keluarga negara Asean kita yang tidak membantah bahkan menyokong usaha Kerajaan kita hendak membaiki pertahanan negeri dengan membeli alat² kapal terbang yang modern yang telah di-berikan atau di-sokong oleh Kerajaan Indonesia. Saya juga berasa ragu kenapa keluarga Asean yang lain seperti Thailand dan Singapura maseh mem-bisu dalam masaalah ini.

Sa-lain daripada itu, Dato' Yang di-Pertua, saya juga menarek perhatian—kita harap daripada pengumuman yang di-beri oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi ia-itu Australia dan New Zealand akan hampir dengan kita supaya Australia dan New Zealand tidak terpengaruh sangat dengan mirup Amerika. Tadi, sahabat saya telah mengatakan berhubung dengan tektik Amerika, gemar saya menyambong bahawa Amerika ini yang sa-benar-nya dia tidak suka negara² di-Tenggara Asia berjinak² dengan sa-buah Kerajaan lain, umpama-nya Kerajaan Pranchis baharu² ini, itu ada-lah masaalah dengan sebab mereka tidak dapat mempertahankan atas apa kehendak

mereka hendak masok Pasaran Bersama Eropah yang telah di-tentang oleh Kerajaan Pranchis. Jadi dengan sebab itu Amerika sekarang menyeret² negara² Tenggara Asia ini supaya dudok di-bawah telunjuk-nya. Dan dengan ini saya fikir Australia dan New Zealand tidak terpengaruh dan dia akan tahu bahawa dia dudok dalam kawasan Tenggara Asia ini dan dia banyak menghendakkan bantuan dan kerjasama daripada negara² di-daerah ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bahagian pertanian, Kerajaan sedang hendak membanyakkan, hendak membagaikan pertanian, ada satu masaalah saya fikir pembangunan ini tidak dapat pesat kalau tidak di-berikan perhatian dalam masaalah pandangan yang saya akan kemukakan ia-itu ra'ayat di-luar bandar terutama sa-kali mereka yang mempunyai kebun dusun dan juga yang menanam padi dua kali sa-tahun. Kerajaan telah menggalakkan dalam usaha menanam padi dua kali sa-tahun, tetapi kurang baja, baja yang di-beli oleh Kerajaan, bantuan yang di-beri oleh Kerajaan itu kurang. Apa yang saya harapkan mereka telah tahu menggunakan baja ini besar faedah-nya kepada tanaman² mereka. Kita meminta Jabatan Pertanian ini membeli baja² yang serupa dengan itu daripada kilang² dan di-jual kepada petani² kita sebab bila petani kita hendak membeli baja di-luar kadang kala mereka ini tidak dapat baja yang sa-benar dan kadang kala-nya kena harga yang mahal.

Kemudian dalam masaalah perikanan, saya juga sangat bersetuju-lah ada satu rancangan hendak memperoses ikan, ikan² yang busok² akan di-jadikan baja, tetapi kita jadikan ikan ini satu makanan yang di-suka² oleh ramai daripada peroses itu ia-itu kita jadikan keropok bukan sahaja boleh di-makan dalam negeri ini tetapi kita boleh exportkan, kita keluarkan, jual di-luar negeri.

Dan yang ketiga-nya, berhubung dengan daging. Tadi rakan sejawat saya telah mengatakan Kerajaan hendakkan supaya membuat rancangan membanyakkan ternakan daging dalam negeri ini. Daging patut kita proseskan, kita adakan, lain daripada daging dalam tin ini, kita adakan daging denden

atau satay goreng, sa-bagaimana chon-toh yang di-buat oleh sa-buah negeri yang kecil yang tidak ada mempunyai ternakan dalam negeri-nya itu.

Kemudian yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, perhutanan, saya mengharap-kan dalam masaalah perhutanan, hutan dalam Tanah Melayu kita luas supaya kawasan hutan simpan itu kita jadikan kawasan pemeliharaan binatang liar tiap² negeri, jadi dengan ini kita dapat menambah hasil negara. Dan daripada binatang² liar ini kita boleh pelihara, kita boleh beri pertolongan pada menchehagah penyakit dan membiakkan binatang² ini. Kita sedia ma'alum, Kerajaan telah mendapatkan pakar dari Canada. Masaalah dalam ini dan dengan itu baharu-lah berguna betul pasokan Mergastua yang kita tubuhkan dalam negeri ini supaya menjaga tiap² kawasan pemeliharaan binatang ini yang ada dalam negeri kita bukan macham sekarang hanya pasokan Game Warden ini dudok di-bandar. Bila ada orang ramai cheritakan tanaman-nya di-musnahkan oleh binatang² baharu-lah dia datang. Maksud saya Game Warden ini supaya sesuai dengan ranchangan pembangunan sa-bagaimana yang saya utarakan itu. Kemudian satu perkara lagi dalam tanah perhutanan juga, Dato' Yang di-Pertua, pasir dalam negeri kita ini patut di-buat satu penyelidekan supaya boleh di-buat alat membuat kacha. Dengan di-kaji dan di-proses pasir ini kalau boleh di-jadikan alat² kacha. Kacha memang sedia ada dalam negeri kita ini, tidak menghendakkan bahan² untuk kilang kacha ini daripada luar negeri.

Kemudian dalam pembangunan tanah, Tuan Yang di-Pertua, tanah G.S.A. memang ada dua chorak dalam negeri ini—satu yang ada bantuan, satu yang tidak ada bantuan. Yang saya hendak bangkitkan ini banyak G.S.A. dalam negeri kita ini di-beri oleh Kerajaan tanah dalam ranchangan itu tetapi tidak berjaya, ia-lah kita boleh tengok sa-tinggi²-nya dalam 20 peratus sahaja berjaya yang lain itu tidak, sebab keadaan-nya sa-bagaimana Kerajaan juga ma'alum tidak dapat berjaya itu peserta yang dudok dalam ranchangan G.S.A. ini tempat-nya jauh. Dengan itu saya harap badan lembaga pemulehan dan

penyatuan tanah itu supaya mengambil aleh terus di-mana ranchangan G.S.A. yang ada dalam negeri kita ini.

Kemudian dalam FLDA kita hendak buka menurut apa yang telah di-beri tahu kepada ra'ayat dalam negeri banyak ranchangan yang hendak di-buka tetapi satu perkara yang saya harap di-berikan keutamaan kalau hendak mengambil peserta² itu, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu mereka yang telah menjadi mangsa dengan sebab pemecahan estate². Manusia itu sekarang yang menjadi mangsa pemecahan estate yang besar² ini, Tuan Yang di-Pertua, sekarang dudok dalam keadaan miskin dan susah. Dengan ini saya harap ranchangan FLDA yang masa akan datang di-beri keutamaan dan di-beri kemudahan kepada mereka yang menjadi mangsa² pemecahan estate—pemecahan ladang. Dan lagi sekarang ladang² yang besar dalam negeri ini terutama-nya dalam negeri saya, negeri Johor, daripada ladang getah itu di-ubah syarat di-tanam kelapa sawit bila mana di-tanam kelapa sawit banyak buroh² di-tempat itu menganggor. Dengan sebab itu kita berikan keutamaan di-mana Kerajaan mengadakan ranchangan FLDA yang besar ambil-lah mangsa² itu dan mereka ini ada mempunyai minat di-dalam ranchangan tanah. Dan satu perkara yang saya minta dalam masaalah ranchangan kemajuan tanah ini supaya mengambil perhatian ia-itu mengambil peserta² itu orang² Portugis yang ada dudok di-Melaka. Orang Portugis ini keadaan hidup-nya sangat miskin dia sudah menjadi warganegara kita, dia sudah putus perhubungan dengan negeri Portugal di-sana dan manusia ini sekarang tertinggal, jadi kita beri keutamaan kepada orang² Portugis ini kehidupan-nya lebeh susah daripada orang Tionghua, dan lebeh susah daripada orang² bumiputra.

Kemudian satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah menanam getah sa-mula tadi telah di-chakapkan oleh rakan sejawat saya, chuma saya hendak memberikan satu pandangan yang ringkas sahaja ia-itu dalam bidang ini di-kehendakkan supaya menubuhkan sa-buah egensi

yang bertanggung-jawab dalam hal-hwal getah ini sama ada luar atau dalam negeri sa-bagaimana Kerajaan buat FAMA sekarang. Sa-lama tidak ada egesi yang umpama ini, Tuan Yang di-Pertua, pekebun² kechil adalah menjadi mangsa lintah² darat atau menjadi mangsa kaum² modal dalam negeri ini. Jadi, egesi yang saya chakapkan ini sangat mustahak kepada pekebun² kechil kita.

Lagi dalam masaalah taliayer tadi, memang satu usaha yang sangat baik hendak mempesatkan pembangunan. Saya chuma hendak bangkitkan masaalah taliayer di-kawasan saya ia-itu Sungai Kesang. Sahabat saya dari Melaka Selatan ada satu ranchangan dalam kawasan-nya—Ranchangan Merlimau dan saya namakan ranchangan parit taliayer Kesang tidak sempurna sa-lagi Sungai Kesang yang 36 batu itu tidak di-luruskan. Kalau di-luruskan Sungai Kesang itu baharu-lah memberi munafa'at, memberi faedah kepada dua buah negeri, negeri Melaka dan penduduk²—petani dalam negeri Johor ia-itu yang ada dalam kawasan saya. Saya harap Kerajaan supaya membuat satu kajian dan penyelidikan supaya meluruskan Sungai Kesang yang sa-jauh 36 batu itu.

Kemudian saya berchakap, Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi dalam masaalah pelajaran. Pelajaran ini memang penting dalam pembangunan, tetapi saya hendak tujukan berhubung dengan pelajaran agama. Saya nampak pelajaran agama ini pada sekarang boleh kita kata memberi puas hati tetapi pada hendak memaju kepada kesempurnaan belum dapat sempurna dan menjadi satu sungutan kepada ibu bapa dan anak² Islam terutama sa-kali anak² kita yang ada di-sekolah² menengah rendah atau menengah atas sangat kurang guru agama yang mengajar di-kelas itu. Saya harap Kementerian ini membuat satu chara mengambil guru² agama itu dengan chara sementara supaya mengajar di-Sekolah² Menengah yang saya katakan itu. Dan dengan sebab murid² daripada Sekolah Menengah ini akan menjadi belia, kalau tidak ada penoh kita tanamkan didekan agama kepada mereka, macham² masaalah negara akan jadi. Dan

boleh jadi mereka ini akan menukar agama-nya daripada agama asal agama Islam kepada agama lain. Saya harap Kementerian ini mengambil berat kepada memberikan pelajaran agama kepada penuntut² kita di-Sekolah Menengah Atas dan Menengah Rendah, sama ada Sekolah Inggeris atau Sekolah Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Saya harap supaya di-semak dan di-kaji balek bangunan² lama di-Majlis Bandar, Perbandaran dan juga di-Majlis² Tempatan. Ini kita minta bekerjasama dengan Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Kesihatan sebab kita tengok bangunan yang lama ini bukan sahaja menjolok mata tetapi akan mengganggu kesihatan dan keselamatan penghuni² rumah. Jadi sangat sesuai-lah kalau kita buat satu bangunan yang menunjukkan lebeh baik bagi penghuni² di-bandar² yang saya sebutkan tadi.

